

**Anggota Kabinet Dapat Suntikan Semangat Perdana Menteri
Bernama
16 May, 2013**

PUTRAJAYA, 16 Mei (Bernama) -- Kalangan wakil rakyat yang pertama kali dilantik anggota Kabinet menyifatkan mandat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada mesyuarat pertama Kabinet Khamis telah memberi suntikan semangat untuk mereka melaksanakan tugas sebaiknya demi menjayakan agenda transformasi negara.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Rahman Dahlan berkata Perdana Menteri menasihatkan semua anggota Kabinet untuk berkhidmat kepada rakyat secara keseluruhan tanpa mengira kaum dan agama.

"Perdana Menteri meminta kita mengingati bahawa kita adalah menteri kepada semua kaum, oleh itu kita tidak perlu tertumpu kepada tempat sendiri sahaja," katanya kepada pemberita semasa ditemui selepas mesyuarat selama dua jam itu.

Anggota Parlimen Kota Belut itu berkata Perdana Menteri meminta semua jemaah menteri memberi nilai tambah dalam kerja masing-masing.

Mengenai perancangannya sebagai menteri, Rahman berkata masih terlalu awal untuk beliau membuat apa-apa keputusan.

"Esok saya akan ke kementerian untuk mendengar taklimat dan daripada itu kita akan dapat tahu status terkini," katanya dan menambah kata menerajui kementerian berkenaan adalah cabaran besar baginya.

Datuk Hasan Malek yang dilantik Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan berkata Najib mengharapkan komitmen tinggi barisan Kabinet untuk bersama-sama menerajui negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

"Ini harapan beliau supaya dapat kita sama-sama bekerja ke arah 2020, tidak ada cuti, mesti bekerja terus untuk kesejahteraan rakyat," katanya.

Seorang lagi muka baharu dalam kabinet, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin berkata beliau akan membuktikan kemampuannya dengan memperkenalkan pembaharuan dalam kementerian diterajui.

"Saya akan lakukan yang terbaik untuk terus membawa pembaharuan. Kita telah diminta supaya melaksanakan tugas kita sebagai menteri dengan sebaik mungkin untuk kepentingan rakyat," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Paul Low Seng Kwan pula berkata beliau akan menggunakan segala kepakaran dan pengalaman lalu untuk memantapkan integriti dan kurangkan gejala rasuah.

"Oleh kerana saya sebelum ini dari (Presiden) Transparency International Malaysia, tumpuan saya ialah pada transformasi untuk menambahbaik tadbir urus, integriti dan perjuangan untuk menghapuskan rasuah," katanya.

Menyahut seruan Perdana Menteri dalam mesyuarat kabinet, Menteri Pelajaran II Datuk Seri Idris Jusoh berjanji akan menambah nilai kabinet kerajaan Malaysia.

Beliau berkata segala perancangan dan pembaharuan akan dibincangkan bersama Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran 1.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=950298>